

Ucuptama

Kajian dan Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Membaca

Profesor Madya Dr. Dahlia Janan

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
dahlia@fbk.upsi.edu.my

Abstrak

Secara umum, para pengkaji mendefinisikan bacaan sebagai suatu proses melihat bahan bertulis dan memahami maknanya. Namun sebenarnya tidak semudah itu, membaca adalah suatu proses kognitif yang kompleks. Membaca melibatkan pelbagai proses mental bermula dengan maklumat yang diterima dari mata dan diproses di otak sehingga maknanya diperolehi. Situasi kompleks fenomena bacaan ini akan dikupas dari aspek teori dan prosesnya. Kertas ucuptama ini juga mengemukakan kepentingan menguasai sesuatu bahasa bagi menjamin kejayaan pemahaman teks dalam bahasa tersebut. Seterusnya, kertas ucuptama ini akan mengemukakan kajian dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca.



PENGENALAN

Kemahiran membaca merupakan kemahiran yang kompleks. Sering kali umum menganggap kemahiran membaca itu adalah literasi. Oleh yang demikian kertas kerja ini akan dimulakan dengan penjelasan berkaitan definisi membaca, definisi literasi dan perbezaan antara konsep membaca dengan konsep literasi supaya pembaca faham hala tuju kertas kerja ini. Selain itu, pembaca juga dapat memahami saling berkaitnya komponen bacaan dan literasi itu walaupun mereka merupakan dua perkara yang berbeza. Seterusnya, pembaca juga akan memahami fokus kertas kerja ini iaitu kemahiran membaca.

Apa Itu Membaca?

Umumnya membaca didefinisikan sebagai perlakuan membaca sesuatu atau aktiviti membaca buku, majalah dan sebagai (Merriam Webster, 2015). Namun demikian definisi membaca yang lebih komprehensif dan terkini adalah yang dikemukakan oleh Fisher (2003) iaitu membaca sebagai bukan sahaja kebolehan mengeluarkan maklumat tekstual atau visual sesuatu bahan bertulis tetapi juga mampu mengeluarkan maklumat daripada skrin elektronik. Pencapaian dalam kemahiran membaca selalunya dikemukakan dalam bentuk laporan seperti contoh yang berikut.

Jadual 1: Strategi Kefahaman Membaca

Bolehkah murid?	Murid A	Murid B	Murid C	Murid D
Membuat andaian				
Membuat gambaran imej				
Membuat pertalian				
Bertanya soalan				
Mengenal pasti kepentingan				
Meninjau				
Mengimbas semula				
Pemerhatian guru				



Apakah Itu Literasi?

Literasi ialah keupayaan untuk mengenal pasti, memahami, mentafsir, mencipta, membuat perkiraan, dan berkomunikasi dengan menggunakan bahan visual, audio dan digital yang merentasi disiplin dan dalam apa jua konteks.

Keupayaan untuk membaca, menulis, dan berkomunikasi yang menghubungkan antara satu individu dengan yang lain dan memberi keupayaan kepada mereka untuk mencapai apa yang mereka tidak pernah terfikir mungkin boleh berlaku. Komunikasi dan hubungan adalah asas kepada persoalan 'siapa kita dan bagaimana kita' hidup bersama-sama dan berinteraksi dengan dunia luar (*International Literacy Association*, 2016). Pencapaian tahap literasi selalunya dilaporkan dalam bentuk laporan kadar literasi dunia seperti yang berikut.

**Jadual 2: Kadar Literasi dan Populasi Buta Huruf Global
untuk Penduduk Dunia Dewasa dan Belia, 2013**

Indikator	Dewasa (15 tahun dan ke atas)	Belia (15 – 24 tahun)
Kadar literasi	85%	91%
Kadar literasi lelaki	89%	93%
Kadar literasi perempuan	81%	89%
Populasi buta huruf	757 million	115 million
Populasi buta huruf wanita	63%	59%

Sumber: *UNESCO Institute of Statistic*, September 2015

Membaca Lawan Literasi

Membaca dan literasi adalah dua perkataan yang sering dikelirukan apabila dikaitkan dengan maksud dan konotasi mereka. Sebenarnya, kedua-dua perkataan ini berbeza kerana mereka menyampaikan makna yang berbeza. Perkataan 'membaca' digunakan dalam erti kata 'tafsiran', iaitu digunakan sebagai mentafsirkan sesuatu teks itu dengan mudah atau sukar.



Sebaliknya, perkataan 'literasi' sering digunakan dalam pengertian 'keupayaan untuk membaca dan menulis'. Ini adalah perbezaan utama antara kedua-dua perkataan. Konsep 'literasi' lebih memberikan tumpuan kepada keupayaan membaca dan menulis seseorang individu atau sekumpulan individu.

Sudah menjadi perkara biasa keupayaan literasi dikira dari aspek sesuatu kawasan atau kumpulan masyarakat. Oleh itu, literasi sesuatu kawasan atau daerah adalah dikira berdasarkan kebolehan membaca dan menulis masyarakat dalam daerah tertentu atau negara. Selalunya, jika literasi bagi sesuatu kawasan tersebut adalah baik maka kebanyakan masyarakat di kawasan tersebut boleh membaca dan menulis dalam bahasa ibunda mereka.

Sebaliknya, membaca pula merujuk kepada mentafsir petikan teks. Membaca menghapuskan rasa ragu-ragu tentang kesahihan sesuatu dakwaan yang dibuat dalam teks. Tafsiran sebenarnya dilakukan untuk menghilangkan kebimbangan dalam minda pembaca.

Apakah kesan pengetahuan berkaitan konsep membaca dan konsep literasi terhadap pengajaran dan pembelajaran (p&p) kemahiran membaca? Pengetahuan berkaitan membaca akan membolehkan pendidik memikirkan pendekatan yang terbaik untuk mengajar kemahiran membaca. Pengetahuan berkaitan membaca itu sendiri membolehkan seorang pendidik mengaitkan membaca sebagai fenomena mentafsir teks yang dibaca dengan pendekatan yang bersesuaian. Kefahaman ini merupakan sebahagian kesediaan kepada pendidik untuk menyediakan p&p kemahiran membaca.


PROSES MEMBACA

Untuk membantu pendidik atau pembaca lebih memahami fenomena membaca. Hal berkaitan proses membaca dikemukakan. Proses membaca merupakan satu perlakuan yang kompleks bermula dengan pergerakan mata, pengecaman perkataan dan memahami makna perkataan dan ayat.



Pergerakan Mata

Mata memainkan peranan semasa proses membaca. Ia berfungsi merakam maklumat yang bercetak untuk diproses di otak. Maklumat ini dipanggil maklumat visual. Otak menggunakan maklumat visual untuk mentafsir maknanya (Smith, 1990: 13-16). Maklumat visual sahaja tidak mencukupi untuk kejayaan sesuatu proses membaca. Kita perlu maklumat lain seperti kefahaman bahasa yang diguna, *penyesuaian maklumat* yang dibaca dan *kebolehan membaca* secara am untuk menjayakan proses membaca.



LGN – Lateral Geniculate Nucleus
Garcia Hdez, Rosa M. (2014)

Selain maklumat visual, terdapat maklumat bukan visual yang diperlukan semasa membaca. Maklumat bukan visual merujuk kepada *pengetahuan sedia ada* terhadap bahan yang sedang dibaca, *kefahaman tentang bahasa* bahan tersebut dan *kebolehan membaca* secara am. Maklumat visual dan maklumat bukan visual saling berhubung antara satu sama lain iaitu:

1. Lebih banyak kita membaca, lebih sedikit maklumat visual diperlukan.
2. Lebih sedikit maklumat bukan visual yang ada semasa membaca, lebih banyak maklumat visual diperlukan (Smith, 1990:15).

Label di bawah merupakan sejenis minuman popular. Cuba fikirkan maklumat apa yang diperlukan bagi membolehkan anda meneka minuman yang dimaksudkan ialah PEPSI?



Ini bermakna lebih banyak yang kita ketahui mengenai sesuatu perkara atau bahan yang dibaca, lebih sedikit maklumat yang perlu diambil tahu dan kurang penyesuaian maklumat yang perlu dibuat untuk kita memahami apa yang dibaca. Apabila banyak yang diketahui mengenai kandungan bahan yang akan dibaca boleh memudahkan kita semasa membacanya. Oleh yang demikian, salah satu kemahiran membaca ialah menggunakan dengan semaksimumnya pengetahuan sedia ada dan tidak bergantung kepada maklumat yang diperoleh melalui mata semasa membaca untuk menjamin kejayaan proses membaca.

Sebagai guru, bagaimana anda kaitkan pengetahuan berkaitan proses membaca dengan pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca?



Apakah teknik mengajar kemahiran membaca atau memahami teks yang sesuai untuk memaksimumkan penggunaan pengetahuan sedia ada pembaca/murid?

Pernahkah anda mendengar teknik KWL / KWLH?




Maklumat visual yang dirakam oleh mata ditafsir dalam otak. Maklumat ini digunakan untuk membuat keputusan. Untuk memprosesnya ia memakan masa dan had masa yang diperlukan bergantung kepada berapa banyak maklumat yang diperlukan. Ia juga bergantung kepada beberapa pilihan yang perlu dibuat oleh otak. Jika otak perlu memutuskan mempunyai antara dua pilihan iaitu sama ada lampu merah atau lampu hijau, ia memerlukan 0.3 saat. Oleh itu, jika kita mempunyai lebih banyak pilihan lebih banyak masa diperlukan.



Bagi memahami kadar otak boleh memproses maklumat visual, kajian mengenai bagaimana sistem visual berfungsi perlu dilakukan. Apabila kita melihat satu pemandangan, sistem visual kita sebenarnya membuat satu siri pergerakan pantas yang dipanggil genjatan (*sccades*: perkataan dalam bahasa Perancis). Siri pergerakan pantas ini juga berlaku semasa kita membaca. Apabila kita membaca mata kita bergerak dengan cara melompat-lompat. Istilah teknikal untuk kejadian ini ialah genjatan. Antara genjatan ada satu tempoh yang dipanggil penetapan (*fixation*). Sila rujuk Rajah 1.

Rajah 1: Genjatan Penetapan



Cho, Mikael (2016)


Masa yang diambil untuk satu tempoh penetapan tidak panjang. Menurut kajian, purata masa di antara penetapan ialah 250 milisaat. Tempoh penetapan penting kerana pada ketika inilah maklumat diperoleh dari teks manakala semasa genjatan tiada maklumat yang dirakam (Carlson dan Buskist, 1997: 314). Oleh itu, kadar otak boleh mengenal huruf hanya empat atau lima huruf dalam satu saat dalam sesuatu situasi (Smith, 1990: 21).

Kajian gerakan mata semasa membaca telah dipermudahkan dengan terciptanya sejenis alat yang dipanggil pengesan mata (*eye tracker*). Ia mengandungi alat-alat yang boleh menetapkan kedudukan kepala seorang individu di satu kedudukan yang tetap. Sejenis video khas digunakan untuk merakam jejak pandangannya dengan cara memfokuskan pada mata dan mengawasi kedudukan anak mata. Kajian ini, menerangkan kejadian mata melompat-lompat ketika membaca dan menunjukkan masa yang diambil untuk satu-satu tempoh penetapan. Rajah satu di bawah menunjukkan tempoh penetapan yang dibuat oleh pembaca. Bentuk bujur diletak pada atas setiap tempoh penetapan dan nombor di dalamnya menunjukkan jangka masa tempoh penetapan dalam kiraan milisaat.



Semasa membaca, 80% penetapan dibuat untuk kata dasar berbanding hanya 40% untuk kata tugas. Contoh di atas menunjukkan masa yang lebih lama diperlukan untuk penetapan kata dasar seperti *flywheels*, *mechanical*, dan *devices* berbanding kata tugas *the*, *are*, dan *of*. Manakala kata yang lebih kompleks seperti *engine contains* mengambil masa yang lebih panjang untuk penetapan dan berlaku pengesanan kata ke belakang (*backtracking*).

Rajah 2: Pemerhatian Tempoh Membaca



Nota: Pemerhatian tempoh membaca menggunakan alat pengesan mata yang dilakukan oleh Just dan Carpenter 1987 dipetik dari Haberlandt Karl, 1997.



Selain itu, kata yang lebih panjang mempunyai tempoh penetapan yang lebih lama berbanding kata yang pendek. Semua kejadian ini berlaku kerana apabila membaca satu ayat, kita menganalisisnya mengikut kata demi kata (Rayner dan Pollatsek 1989). Menurut Miyake, Carpenter dan Just (1995), pemahaman terhadap kata-kata tersebut adalah berbeza bergantung kepada pengetahuan kita tentang dunia (*knowledge of the world*) (Carlson dan Buskist, 1997: 307 & 314).


Persoalannya di sini sekarang adalah:

Bagaimanakah pula pengetahuan berkaitan sistem maklumat visual ini membantu guru menyediakan pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca?



Apakah kaitannya pengetahuan tentang tempoh ginjatan dan tempoh penetapan dengan pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca?

Bagaimanakah pengetahuan berkaitan tempoh penetapan yang lebih pendek untuk kata tugas berbanding dengan kata dasar membantu kejayaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca?



Tempoh penetapan sesuatu kata bergantung kepada tiga faktor iaitu faktor kesan kepanjangan, kesan kekerapan dan kesan konteks. Kesan kepanjangan merujuk kepada kejadian tempoh penetapan yang lebih lama berlaku apabila sesuatu kata itu panjang. Manakala kesan kekerapan pula menunjukkan tempoh penetapan yang lebih pendek diperlukan jika kata sesuatu kata itu kerap digunakan atau dikenali. Akhir sekali kesan konteks pula memperlihatkan bagaimana tempoh penetapan dapat dipendekkan jika makna sesuatu kata dapat diperolehi melalui konteksnya dalam ayat (Haberlanbt Karl, 1997: 295-297).




Setelah mata merakam maklumat visual teks bacaan proses selanjutnya ialah pengecaman kata. Proses pengecaman kata ini berlaku di otak. Ahli psikologi yang mengkaji bacaan percaya terdapat dua cara asas mengenali kata iaitu kaedah fonetik dan kaedah pengecaman seluruh kata. Tiga faktor yang mempengaruhi tempoh penetapan ini sangat penting apabila membuat pemilihan bahan bacaan yang akan digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca.

Pengecaman Kata

Pengecaman kata mengikut kaedah fonetik melibatkan pentafsiran bunyi yang dibuat oleh satu huruf tertentu atau kumpulan huruf. Manakala cara pengecaman seluruh kata melibatkan pengecaman kata secara keseluruhan.





Semasa membaca, kaedah fonetik dan kaedah pengecaman seluruh kata terikat dalam satu perlumbaan. Dalam perlumbaan tersebut jika sesuatu kata itu biasa dilihat kaedah pengecaman seluruh kata akan lebih cepat dan berjaya. Manakala jika sesuatu kata itu kurang dikenali kaedah fonetik akan berjaya. Hal ini berlaku kerana, apabila kita memahami sesuatu kata kita akan terus menyebutnya dengan kuat.

Namun demikian, kata yang kurang kita ketahui akan menyebabkan kita mula mengejanya huruf demi huruf untuk mendapatkan bunyinya. Kaedah pengecaman seluruh kata bukan sahaja cepat daripada kaedah fonetik malahan ia perlu digunakan apabila pengecaman kata yang mempunyai ejaan yang tidak fonetik seperti bom, bau, wau dan sebagainya (Carlson dan Buskist, 1997:314).

Memahami Makna Kata dan Ayat

Selepas pengecam kata, langkah seterusnya dalam bacaan ialah memahami makna. Kita belajar memahami makna melalui pengalaman. Daya ingatan terhadap sesuatu makna itu tersebar di seluruh otak. Misalnya apabila kita membaca kata buah epal pemahaman maknanya akan melibatkan daya ingatan terhadap rupa buah tersebut, bagaimana rasa di tangan, bunyi ranggupnya apabila digigit dan rasa serta baunya ketika dikunyah (Carlson dan Buskist, 1997:314).

Semasa kita membaca satu ayat, kata dan frasa yang kita temui, daya ingatan kita akan diaktifkan. Hal ini akan membenarkan kita untuk memahami maknanya. Kejadian ini dikenali sebagai *semantic priming*. *Semantic priming*



ialah kesan yang memudahkan makna diberikan kepada kata yang telah dicam terlebih dahulu. Jika seseorang membaca sesuatu kata, dia akan secara mudah membaca kata kedua yang mempunyai makna berkaitan dengan kata yang pertama. Misalnya jika kata roti dibaca sudah pasti kita lebih berjaya mengecam kata mentega kerana mempunyai kaitan dengan roti. Namun demikian perkaitan daya ingatan kepada sesuatu konsep bergantung kepada pengalaman berkaitan hal tersebut (Carlson dan Buskist, 1997:314).

Kajian mengenai *semantic priming* ini menemukan satu perkara lain dalam proses membaca yang penting iaitu model mental (*mental model*). Ramai pengkaji mempercayai apabila seseorang pembaca membaca sesuatu teks mereka sebenarnya membina model mental tentang apa yang dihuraiakan oleh teks tersebut. Misalnya jika pembaca membaca mengenai teks berbentuk naratif mereka akan mula bayangkan mengenai adengan dan tindakan yang telah diceritakan. Rajah 3 menunjukkan perkaitan makna kata.

Rajah 3: Perkaitan Makna Kata





Figure from Collins, A. M., & Loftus, E. F. (1975). A spreading-activation theory of semantic processing. *Psychological Review*, 82(6), 407-428.



Melalui rajah di atas, dapat dikatakan makna kata tersebar di seluruh otak dalam satu rangkaian. Setiap kata mempunyai model mental atau struktur semantiknya sendiri. Kadang kala model-model mental ini saling berkaitan. Perkaitan antara model mental bergantung kepada keserasian jenisnya. Hal ini, boleh dikaitkan dengan contoh di atas iaitu apabila kata roti dibaca lebih mudah untuk mengaitkannya dengan kata mentega berbanding mengaitkan dengan kata kucing.

Kewujudan model-model ini dalam otak boleh dikaitkan dengan pengalaman seseorang itu. Misalnya jika mereka ialah penduduk bandar Kuala Lumpur, model mental mengenai kenderaan akan meliputi kereta, bas, teksi, komuter, aliran transit ringan, motosikal, dan kapal terbang. Manakala mereka yang tinggal di persisiran pantai seperti Teluk Nipah, model mental mengenai kenderaan mereka sudah pasti berbeza seperti sampan, bot, kapal layar, motosikal dan kereta.

Ini bererti makna kata yang dibaca telahpun wujud dalam mental. Boleh diandaikan di sini apabila pembaca menjumpai satu kata baharu, mereka akan bertindak membina model mental berkaitan kata tersebut dengan bantuan model-model yang sedia wujud dalam daya ingatan mereka. Makna yang diperlukan oleh sesuatu kata akan muncul berdasarkan konteksnya dalam ayat.



Menurut Smith (1990), kata yang dilihat dalam bentuk tulisan itu ialah struktur permukaan bahasa penulisan. Ia merupakan maklumat visual yang dapat dilihat oleh mata. Manakala struktur dalaman pula berkait rapat dengan makna yang dibawa kepada bentuk tulisan yang dapat dilihat oleh otak tadi. Struktur dalam dan luaran mempunyai perbezaan. Struktur permukaan



mungkin mempunyai lebih daripada satu makna dan struktur dalaman pula mungkin mempunyai lebih daripada satu struktur luaran. Misalnya ayat 'Dia telah disepak oleh rakannya' boleh bermaksud ditampar atau ditendang oleh rakannya. Manakala ayat 'Anjing mengejar kucing' adalah sama dengan 'Kucing dikejar anjing'. Namun demikian tidak boleh mencari ayat yang menunjukkan makna kedua-dua ayat tadi (Smith, 1990: 69).

Selain itu, beliau berpendapat makna sesuatu kata dibawa kepadanya bukan datang darinya. Beliau juga berpendapat bukan kata yang membawa makna kepada ayat tetapi ayat yang memberi makna kepada kata. Ini kerana kebanyakan kata mempunyai lebih daripada satu makna malah boleh wujud sebagai kata nama, kata kerja, kata adjektif dan sendi secara serentak. Misalnya 'baik' mungkin bermakna tidak jahat ataupun sihat, 'jalan' mungkin bermakna tempat lalu lintas ataupun ikhtiar dan pelbagai lagi.

Hal yang berikut menjelaskan bagaimana kata sendi yang sering digunakan dalam Bahasa Inggeris mempunyai banyak makna. Ada kamus yang menyenaraikan 63 makna untuk kata 'off', 40 untuk 'in' dan 39 untuk 'at' dan 'by'. Ayat di bawah membuktikannya.

"I found the book by Dickens by chance by the tree and shall return it by mail by Friday," ... bolehkah kita berikan makna 'by'?

Smith, 1990: 71

MENGAPA MEMBACA?

Alasan mengapa kita membaca terlalu banyak. Namun begitu alasan utama pembaca membaca boleh dikumpulkan kepada empat iaitu membaca untuk memahami sesuatu teks, membaca secara fleksibel mengikut tujuan, untuk belajar bahasa dan kandungan, dan membaca dengan satu paras kesedaran yang kritikal.

Membaca untuk Memahami Teks

Membaca untuk memahami teks merujuk kepada kemampuan pembaca mengenali tujuan dan peranan teks yang dibaca. Selain itu, mereka juga mampu



mengetahui topik utama teks dan bagaimana topik tersebut dikembangkan. Seterusnya mereka juga boleh mentafsir ayat-ayat dalam teks tersebut. Semasa proses memahami teks ini tidak dapat dielakkan, masalah bahasa akan timbul dari masa ke masa. Oleh itu, untuk menangani masalah bahasa ini pembaca terpaksa membina teknik yang membolehkan mereka mengendalikan perbendaharaan kata selain daripada belajar bertoleransi dengan keadaan yang tidak yakin ketika cuba memahami teks. Walaupun tidak semua teks perlu difahami pembaca tetapi mereka perlu boleh memahami teks dengan berkesan terutamanya apabila keperluan situasi pemahaman teks timbul.

Membaca Secara Fleksibel Mengikut Tujuan

Pembaca boleh membaca secara tinjauan, imbasan, membaca intensif dan membaca ekstensif mengikut tujuan mereka membaca. Kepelbagaian jenis teks penting untuk membina gaya membaca secara fleksibel.

Skillswise

Skimming and scanning the news

We read in different ways. You don't always need to read every word. Sometimes you leave bits out.

You can **skim** to find out what it is all about.

Headings and pictures can help you do this.

Or you can **scan** to look for important information.

Look for key words or numbers to help you do this.

Cat up a tree? Chimp in a chimney?

Fire crews in the capital had to help ~~20~~ **200** animals last year.

The fire brigade says if an animal is stuck call the RSPCA first.

Unusual rescues

Unusual rescues include a chimp in a chimney, a parrot trapped in its cage, an iguana stuck on a roof and a hamster trapped in a disabled lift. Fire crews have also captured a snake at a retirement home and rescued a kitten with its head stuck in a bongo drum.

More important work

The commissioner says, "Our crews are highly trained emergency service personnel. When we are out rescuing animals, we can't attend real emergencies."

Wasting tax payers' money

"Animal rescues cost money and in these tough financial times many people question why their taxes are being spent on animal rescues. After all, when was the last time you saw a cat's skeleton up a tree?"



Entry 1 & 2 Factsheet bbc.co.uk/skillswise © BBC 2012 **BBC**

Belajar Bahasa dan Kandungan Bacaan

Kebolehan belajar bahasa dan kandungan melalui bacaan bermakna pembaca boleh mendapatkan maklumat yang relevan dari teks yang dibaca, menilai alasan dan bukti yang dikemukakan, dan membezakan antara topik utama



dengan huraian dalam teks. Selain itu, ia juga bermakna boleh menggunakan buku dan bahan rujukan melalui indeks dan tajuk yang diberikan.

Membaca dengan Satu Paras Kesedaran yang Kritikal

Membaca dengan satu paras kesedaran yang kritikal bermakna pembaca boleh memikirkan objektif teks. Mereka sepatutnya boleh melihat apa penulis cuba lakukan dan bagaimana ia melakukannya. Misalnya, tujuan utama iklan diadakan adalah untuk cuba memujuk pembaca. Oleh itu, untuk memastikan pujukan mereka berjaya mereka perlu berhati-hati dalam pemilihan bahasa.

MODEL BACAAN FLEKSIBEL

Pembaca yang matang dan fleksibel dapat menyesuaikan gaya bacaan dengan tujuan mereka membaca.

Bacaan Sepintas Lalu


Bacaan sepintas lalu bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh tanpa menitik beratkan perincian dan untuk mengetahui sama ada sesuatu bahan itu perlu dibaca secara mendalam. Tekniknya melibatkan membaca perenggan pertama baris demi baris, baca semua kata yang digaris bawah, dihitamkan, dan dicondongkan, membaca ayat pertama dalam setiap perenggan, memerhati gambar, carta, peta dan bantuan-bantuan grafik serta membaca perenggan terakhir seluruhnya.

Bacaan Tinjauan

Tujuan untuk mendapat maklumat tertentu sahaja. Ia dilakukan dengan memerhatikan semua kata yang ditulis dengan huruf besar, menggunakan pola zig-zag, pola s, dan atas ke bawah dari kiri ke kanan, membaca apa yang perlu sahaja misalnya nama buku rujukan dan buku panduan telefon.



Rajah 4: Pola Pembacaan



Bacaan Pantas

Bacaan pantas berada di tengah antara bacaan sepintas lalu dan bacaan tinjauan. Bacaan pantas tidak bertujuan menganalisis maklumat secara intensif. Sebaliknya dilakukan untuk mendapatkan idea utama, isi sokongan, isi huraian, dan pemikiran penulis secara am. Ia merupakan gaya membaca yang pragmatik kerana digunakan dalam tempoh masa yang pendek tetapi pembaca mampu menguasai maklumat yang banyak.

Bacaan pantas juga mampu meningkatkan pemahaman terhadap idea utama bahan dengan cara menumpukan perhatian terhadapnya secara berterusan mengikut keperluan. Amalan membaca pantas secara berterusan akan membolehkan pembaca memendekkan tempoh membaca mereka tanpa hilang penguasaan makna.

Bacaan Personal

Gaya bacaan yang lazim dilakukan oleh individu untuk mencari maklumat secara am dan untuk keseronokan mengikut tujuan membaca individu tersebut. Dalam gaya bacaan personal ini juga terdapat proses menganalisis dan menilai bahan tetapi hanya untuk memuaskan tujuan bacaan personal sahaja. Bacaan personal ini selalunya dilakukan oleh masyarakat umum. Walaupun begitu terdapat pelbagai gaya dalam bacaan personal bergantung




kepada kemampuan individu tersebut. Sebahagian pembaca membuat bacaan personal seperti membaca seolah-olah untuk menilai sesuatu. Ada juga yang membuat bacaan personal dengan bacaan pantas.

Bacaan Belajar

Bacaan belajar dilakukan untuk tujuan pendidikan. Teknik yang digunakan merangkumi menentukan tujuan bacaan belajar, melihat secara keseluruhan bahan, dan membina soalan pentafsiran yang spesifik. Terdapat banyak model bacaan belajar, kebanyakannya terkenal dengan akronim mereka seperti PQRST, SQ3R /SQ4R, dan POINT.

Rajah 5: SQ4R, PQRST dan POINT



KESIMPULAN

Membaca adalah suatu proses kognitif yang kompleks bermula dengan maklumat diterima dari mata dan diproses di otak sehingga maknanya diperoleh. Proses membaca bermula dengan pergerakan mata. Semasa membaca mata bergerak dengan cara melompat-lompat atau genjatan. Antara genjatan terdapat tempoh penetapan. Semasa tempoh penetapan ini maklumat dirakam oleh mata. Seterusnya proses pengecaman kata berlaku dan akhir sekali dalam bacaan ialah proses memahami makna.

Terdapat empat sebab mengapa kita membaca, iaitu membaca untuk memahami teks, membaca secara fleksibel mengikut tujuan, membaca untuk belajar bahasa dan kandungan bacaan serta membaca dengan satu paras kesedaran yang kritikal.

Pembaca yang matang boleh menyesuaikan bacaan mereka dengan pelbagai gaya membaca mengikut tujuan mereka membaca. Sekurang-kurangnya terdapat enam gaya membaca iaitu bacaan sepintas lalu, bacaan tinjauan, bacaan pantas, bacaan personal, bacaan analitis dan penilaian, serta akhir sekali bacaan belajar. Tugas guru sememangnya berat dalam mencari teknik yang tepat untuk menjamin kejayaan pelajarannya memahami apa yang dibaca. Sebenarnya, tiada satu teknikpun yang paling sesuai untuk semua pelajar. Jalan yang terbaik adalah dengan memahami fenomena proses membaca dan menggabungkan beberapa teknik yang guru sendiri fikirkan paling sesuai ketika mengajar kefahaman membaca adalah teknik yang terbaik sekali.

RUJUKAN

Carlson, N. and Buskist, W. (1997). *Psychology; The science of behaviour*. (5th Ed), Allyn and Bacon, Boston.

Catania A.C (1998). *Learning*. 4th. Edition. New Jersey. Prentice Hall Inc.

Cho, Mikael, (2016). The science behind fonts (and how they make you feel) Dipetik dari <http://blog.crew.co/the-science-behind-fonts-and-how-they-make-you-feel/> (13.02.2016)



- Eysenck, M.W. & Keane M.T. (1998). *Cognitive Psychology a Student's Handbook 3rd Edition*. United Kingdom. Psychology Press. Erlbaum.
- Fisher, S. R. (2003). *A History of Reading*. London: Reaktions Book.
- Garcia Hdez, Rosa M. (2014) Where does what we see go? - Visual Information Processing (from the eye to the brain) Dipetik dari <http://rosavisionenglish.blogspot.my/2008/07/where-does-what-we-see-go-visual.html> (13.02.2016)
- Haberlanbt Karl (1997). *Cognitive psychology second edition*. United Kingdom. United States. Allyn & Bacon.
- International Literacy Association. (2016) What is literacy? Diperoleh dari <http://www.literacyworldwide.org/why-literacy> (08.02.2016)
- Miyake, A., carpenter, P. A., & Just, M. A. (1995). Reduced resources and specific impairments in normal and aphasic sentence comprehension. *Cognitive Neuropsychology*, 12, 651 – 679.
- Merriam Webster. (2015). What is reading? Diperoleh dari <http://www.merriam-webster.com/dictionary/reading> (08.02.2016)
- Rayner, K., & Pollatsek, A. (1989). *The psychology of reading*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Smith Frank (1990). *Bacaan*. Terj. Siti Nordinar Mohd Tamin & Fadzilah Md. Arif. Johor. Universiti Teknologi Malaysia.
- UNESCO Institiute of Statistic. (2015) Adult and youth literacy. Diperoleh dari <http://www.uis.unesco.org/literacy/Pages/literacy-day-2015.aspx> (13.02.2016)
- Williams Eddie (1984). *Reading in the language classroom*. London. Macmillan.

